

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK	MCIS Insurance Berhad
Baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan MediGap Care. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.	MediGap Care
	Tarikh

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

MediGap Care ialah pelan Hospital dan Pembedahan Boleh Diperbaharui Tahunan Berkelompok yang menyediakan perlindungan perubatan disebabkan oleh penyakit atau kecederaan yang tidak disengajakan.

Pelan ini menyediakan pelbagai pelan dan pilihan deduktibel yang boleh dipilih. Pelan perubatan akan ditukar daripada pelan deduktibel kepada pelan deduktibel sifar, apabila mencapai umur enam puluh (60) tahun.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Sila rujuk kepada Borang Permohonan MediGap Care untuk pelan dan pilihan deduktibel yang telah dipilih. Had-had manfaat bagi setiap Hayat yang Diinsuranskan hendaklah berdasarkan pelan dan pilihan deduktibel yang dipilih. Pelan ini menyediakan manfaat-manfaat berikut:

No	Manfaat-manfaat	Jenis Pelan				
		Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)
Manfaat-manfaat Hospital dan Pembedahan						
1	Bilik dan Penginapan Hospital (Had setiap hari dan sehingga 120 hari setiap ketidakupayaan)	100	100	150	150	200
2	Unit Rawatan Rapi (Had setiap hari dan sehingga 90 hari setiap ketidakupayaan)	500				
3	Bekalan dan Perkhidmatan Hospital	Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada Caj yang Berpatutan dan Lazim				
4	Yuran Pembedahan (Penjagaan selepas pembedahan dalam tempoh 90 hari selepas discaj)					
5	Yuran Bilik Pembedahan					
6	Yuran Pakar Bius					
7	Yuran Ambulans					
8	Pembedahan Penjagaan Harian					
9	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (2 lawatan sehari dan sehingga 120 hari setiap ketidakupayaan)					
10	Cukai Barang dan Perkhidmatan					
11	Laporan Perubatan (had setiap ketidakupayaan)	100				
Manfaat-manfaat Pra-Penghospitalan						
12	Manfaat Ujian Diagnosis Pra-Penghospitalan (dalam tempoh 90 hari sebelum penghospitalan)	Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada Caj yang Berpatutan dan Lazim				
13	Yuran Perundingan Pakar Pra-Penghospitalan (dalam tempoh 90 hari sebelum penghospitalan)					
Manfaat-manfaat selepas Penghospitalan						
14	Selepas Penghospitalan dan Rawatan Susulan Pembedahan Penjagaan Harian (dalam tempoh 90 hari selepas discaj)	Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada Caj yang Berpatutan dan Lazim				
Manfaat-manfaat Rawatan Pesakit Luar						
15	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada Caj yang Berpatutan dan Lazim				
16	Rawatan Kanser Pesakit Luar					
17	Rawatan Kecemasan Pesakit Luar akibat Kemalangan (Had Setiap Kemalangan, maksimum 90 hari dari tarikh Kemalangan untuk rawatan susulan)	1,000	1,000	1,500	1,500	2,000

18	Rawatan Pergigian Kecemasan Pesakit Luar akibat Kemalangan (Had setiap Kemalangan, maksimum 30 Hari dari tarikh Kemalangan untuk rawatan susulan)	1,000	1,000	1,500	1,500	2,000
Manfaat-manfaat Lain						
19	Penjagaan Kejururawatan Di Rumah (Had setiap Ketidakupayaan)	500				
20	Pendapat Perubatan Kedua (Dalam tempoh 90 Hari sebelum penghospitalan)	Seperti Yang Dicaj, tertakluk kepada Caj yang Berpatutan dan Lazim				
Had-had						
21	Had Tahunan Keseluruhan	75,000	100,000	150,000	200,000	500,000
22	Had Seumur Hidup Keseluruhan	Tanpa Had				
Pilihan Deduktibel						
23	Deduktibel (setiap Tahun Sijil)	5,000; atau 10,000; atau 30,000;				

Nota-nota:

1. Jika Hayat yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital pada kadar bilik dan penginapan hospital yang lebih tinggi daripada manfaat kelayakan, Pemilik Sijil perlu membayar lebihan amaun untuk caj-caj Bilik dan Penginapan.
2. Bergantung kepada Deduktibel yang dipilih, Pemilik Polisi mesti terlebih dahulu membayar amaun tetap yang bersamaan dengan Deduktibel yang dipilih sebelum jumlah Perbelanjaan-perbelanjaan Layak yang ditanggung untuk semua faedah terkumpul, dibayar oleh Kami, tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan.
3. Deduktibel adalah tidak terpakai untuk item 15 sehingga 18 seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat diatas.

Tempoh perlindungan ialah satu (1) tahun. Pelan ini boleh diperbaharui, sehingga Hayat yang Diinsuranskan berumur lapan puluh empat (84) pada hari jadi berikutnya dan perlindungan terhenti apabila Hayat yang Diinsuranskan umur lapan puluh lima (85) hari jadi berikutnya.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Life atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada pelan, deduktibel yang dipilih, dan umur pada hari jadi berikutnya Hayat yang Diinsuranskan. Sila rujuk lampiran yang dilampirkan untuk jadual premium tahunan. Sila rujuk kepada wakil jualan untuk jumlah premium perlu dibayar selain daripada premium tahunan.

Premium untuk pelan ini adalah tidak dijamin. MCIS Insurance Berhad berhak untuk menyemak semula kadar premium jika pengalaman tuntutan sebenar lebih teruk daripada yang dijangkakan dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari lebih awal.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen - 10% daripada premium. Sila rujuk lampiran yang dilampirkan untuk jumlah komisen.

5. Apakah terma dan syarat penting yang harus saya ketahui?

- Kepentingan Pendedahan – Anda hendaklah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan, pekerjaan dan nyatakan umur Anda dengan betul.
- Tempoh Bertenang – Anda boleh membatalkan perlindungan insurans dalam tempoh lima belas (15) hari selepas anda menerima Sijil Jaminan. Premium yang telah anda bayar akan dibayar balik kepada anda tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung akan dipulangkan kepada anda tanpa faedah.
- Tempoh Tangguh – Tempoh Tangguh akan dibenarkan untuk setiap premium berikutnya. Sijil Jaminan akan luput jika premium tidak dibayar dalam Tempoh Tangguh. Tiada penguatkuasaan semula dibenarkan untuk pelan ini. Sebarang permohonan semula untuk pelan tersebut akan dianggap sebagai permohonan baru.
- Amaun tuntutan adalah mengikut asas “Seperti Yang Dicaj” i.e bayaran balik berdasarkan caj sebenar mengikut bil perubatan anda, tertakluk kepada had maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
- Pembaharuan - Pembaharuan Sijil Jaminan adalah tidak dijamin. Melainkan diperbaharui dan MCIS Insurance Berhad tidak akan bertanggungjawab sama sekali untuk sebarang perbelanjaan yang berlaku selepas Sijil Jaminan terhenti.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?

Polisi ini tidak melindungi sebarang Kemasukan Hospital, Pembedahan atau caj yang diakibatkan secara langsung atau tidak, keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana satu (1) daripada kejadian berikut:

- Keadaan Sedia Ada.
- Sebarang Ketidakupayaan (kecuali Kecederaan) dan tanda atau simptom yang muncul dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Kuatkuasa Sijil.
- Penyakit Tertentu dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari dari Tarikh Kuatkuasa Sijil.
- Pembedahan plastik/kosmetik, berkhatan (melainkan jika Perlu Dari Segi Perubatan untuk merawat penyakit), pemeriksaan mata, cermin mata, kanta dan pembedahan refraksi atau pembedahan rabun dekat dan rabun jauh (Keratotomy Radial atau Lasik), penggunaan atau pemerolehan peralatan atau peranti prostetik luaran seperti alat pendengaran, perentak jantung yang ditanam, anduh / pendakap / immobilizer, peralatan seperti tongkat / kerusi roda / topang ketiak, kelopak mata berganda, jerawat, keloid, parut, tanda kulit, xanthelasma, ginekomastia, alopecia / keguguran rambut, atau rawatan komplikasi dan preskripsinya.
- Rawatan pergigian termasuk rawatan pergigian, pembedahan mulut, kanser, pembedahan ortognatik, penjajaran rahang, rawatan untuk sendi temporomandibular, pembedahan tulang rahang atas dan bawah kecuali untuk rawatan langsung kecederaan traumatik akut seperti yang diperlukan disebabkan Kecederaan Akibat Kemalangan atas gigi asli yang sihat yang berlaku dalam mana-mana Tahun Sijil.
- Kejururawatan peribadi, rawatan rehat pulih atau penjagaan sanitari, dadah haram, mabuk (termasuk tetapi tidak terhad kepada alkohol dan dadah), pensterilan, penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) atau ARC (Keadaan Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
- Sebarang rawatan, penilaian atau pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan atau elemen-elemen tumbesaran dan sebarang Ketidakupayaan atau komplikasi yang timbul daripadanya termasuk tetapi tidak terhad kepada sista dermoid, hernia / hidrokel kanak-kanak (semua hernia sehingga usia enam(6) tahun adalah tidak dilindungi), kaki tombol, Kecacatan Septum Ventrikel (VSD), Kecacatan Septum Atrium (ASD), Talasemia, Juling, Hemangioma, Ubat Tambahan Tradisional dll.
- Kehamilan, bersalin (termasuk persalinan pembedahan dan sebarang prosedur pembedahan atau bukan pembedahan atas sistem pembiakan wanita semasa persalinan pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan pranatal atau selepas kehamilan dan kaedah cegah hamil pembedahan, mekanikal atau kimia atau rawatan yang berkaitan dengan kemandulan.
- Disfungsi erektal dan ujian atau rawatan berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan.
- Penghospitalkan yang terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, peperiksaan am fizikal atau perubatan, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Ketidakupayaan yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan mana-mana rawatan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan.
- Kecederaan atau Penghospitalkan akibat penyalahgunaan dadah, gangguan ketagihan daripada penyalahgunaan dadah atau semasa berada di bawah pengaruh alkohol.
- Bunuh diri, cubaan membunuh diri, cubaan mengancam atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman.
- Peperangan atau sebarang tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau penganas, tugas aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau pemberontakan, perang nuklear, peperangan/aktiviti biologi dan kimia.
- Sinaran pengionan atau pencemaran radioaktif dari mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada mana-mana bahan senjata nuklear.
- Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma apa-apa organ badan oleh Hayat yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pengangkutan organ dan penyimpanan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya.
- Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi penggantian hormone dan terapi alternatif, terapi sel stem, imbasan PET dan terapi pilihan seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada refleksologi, tetapan tulang, rawatan pakar herba, urut, atau terapi aroma atau rawatan alternatif lain.

- Penjagaan atau rawatan yang bayarannya tidak diperlukan atau setakat yang ia perlu dibayar oleh mana-mana insurans atau indemniti lain yang melindungi Hayat yang Diinsuranskan dan Ketidakupayaan yang muncul daripada tugas pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja atau daripada mana-mana sumber berkenaan dengan Kecederaan atau Penyakit yang mana tuntutan dibuat.
- Gangguan jiwa, mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
- Kos/perbelanjaan perkhidmatan bukan bersifat perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, perkhidmatan jalur lebar, bil elektrik untuk pengecasan telefon bimbit, radio atau kemudahan serupa, kit/pek selamat datang, surat khabar dan barangan bukan perubatan lain yang tidak layak.
- Kesakitan atau Kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada payung terjun, terjun udara, ski air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, mendaki gunung, sukan musim sejuk, sukan professional dan memanjat batu.
- Akibat daripada melakukan, mencuba perbuatan yang menyalahi undang-undang atau mencetuskan serangan atau jenayah atau daripada sebarang pelanggaran undang-undang.
- Melibatkan diri dalam penerbangan udara dan penerbangan peribadi selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
- Perbelanjaan yang ditanggung untuk pertukaran jantina.
- Sebarang keadaan perubatan atau fizikal neonatal termasuk trauma kelahiran (kecederaan fizikal yang dialami oleh bayi semasa kelahiran) yang wujud dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Kuatkuasa Sijil atau tarikh lahir, yang mana terkemudian.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi bagi untuk senarai pengecualian yang lengkap di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan perlindungan insurans anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad. Setelah pembatalan, anda mungkin berhak mendapat bayaran balik premium tertentu dengan syarat anda belum membuat tuntutan ke atas perlindungan insurans anda.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* mengenai "Insurans Perubatan & Kesihatan" yang terdapat di www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

MCIS Insurance Berhad Registration No. 199701019821 (435318-U)

Ibu Pejabat : Wisma MCIS, Jalan Barat, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Alamat Pos : P.O. Box 345, Jalan Sultan, 46916 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-7652 3388

Faks : 03-7957 1562

Emel : customerservice@mcis.my

Laman Utama : www.mcis.my

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

10. Lain-lain jenis perlindungan yang serupa tersedia.

Sila rujuk kepada MCIS Insurance Berhad atau wakil jualan kami untuk perlindungan serupa yang sedia ada yang ditawarkan oleh MCIS Insurance Berhad.

NOTIS PENTING

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI MEMENUHI KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

SEKIRA TERDAPAT KONFLIK TAFSIRAN ANTARA BAHASA INGGERIS DAN BAHASA MALAYSIA ATAU KEKABURAN YANG TIMBUL DARIPADA TERJEMAHAN KEPADA BAHASA MALAYSIA, TEKS BAHASA INGGERIS DAN TAFSIRANNYA AKAN DIUTAMAKAN.

Maklumat yang diberikan di dalam lembaran pendedahan in adalah sah seperti pada <Tarikh>.

Lampiran - Jadual Premium Tahunan dan Komisen

(Kom yang dinyatakan dalam jadual dibawah bermaksud Komisen)

Deduktibel 5,000 (setiap tahun sijil)

Pelan	1			2			3			4			5		
Bilik dan Penginapan Hospital	100			100			150			150			200		
Had Tahunan Keseluruhan	75,000			100,000			150,000			20,000			500,000		
Umur (Hari Jadi Berikutnya)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)
0 - 4	412.00	10%	41.20	435.00	10%	43.50	503.00	10%	50.30	506.00	10%	50.60	670.00	10%	67.00
5 -10	287.00	10%	28.70	304.00	10%	30.40	350.00	10%	35.00	353.00	10%	35.30	467.00	10%	46.70
11 - 15	252.00	10%	25.20	266.00	10%	26.60	307.00	10%	30.70	308.00	10%	30.80	408.00	10%	40.80
16 - 20	304.00	10%	30.40	313.00	10%	31.30	360.00	10%	36.00	362.00	10%	36.20	483.00	10%	48.30
21 - 25	347.00	10%	34.70	359.00	10%	35.90	412.00	10%	41.20	414.00	10%	41.40	553.00	10%	55.30
26 - 30	351.00	10%	35.10	366.00	10%	36.60	422.00	10%	42.20	425.00	10%	42.50	563.00	10%	56.30
31 - 35	407.00	10%	40.70	431.00	10%	43.10	497.00	10%	49.70	500.00	10%	50.00	664.00	10%	66.40
36 - 40	417.00	10%	41.70	441.00	10%	44.10	509.00	10%	50.90	512.00	10%	51.20	679.00	10%	67.90
41 - 45	482.00	10%	48.20	498.00	10%	49.80	573.00	10%	57.30	575.00	10%	57.50	770.00	10%	77.00
46 - 50	580.00	10%	58.00	607.00	10%	60.70	701.00	10%	70.10	705.00	10%	70.50	936.00	10%	93.60
51 - 55	843.00	10%	84.30	870.00	10%	87.00	1,001.00	10%	100.10	1,004.00	10%	100.40	1,346.00	10%	134.60
56 - 59	1,098.00	10%	109.80	1,162.00	10%	116.20	1,342.00	10%	134.20	1,350.00	10%	135.00	1,802.00	10%	180.20
60*	1,098.00	10%	109.80	1,162.00	10%	116.20	1,342.00	10%	134.20	1,350.00	10%	135.00	1,802.00	10%	180.20

* Untuk pembaharuan sahaja

Deduktibel 10,000 (setiap tahun sijil)

Pelan	1			2			3			4			5		
Bilik dan Penginapan Hospital	100			100			150			150			200		
Had Tahunan Keseluruhan	75,000			100,000			150,000			20,000			500,000		
Umur (Hari Jadi Berikutnya)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)
0 - 4	286.00	10%	28.60	307.00	10%	30.70	354.00	10%	35.40	356.00	10%	35.60	470.00	10%	47.00
5 - 10	200.00	10%	20.00	215.00	10%	21.50	248.00	10%	24.80	249.00	10%	24.90	328.00	10%	32.80
11 - 15	176.00	10%	17.60	188.00	10%	18.80	217.00	10%	21.70	218.00	10%	21.80	287.00	10%	28.70
16 - 20	211.00	10%	21.10	219.00	10%	21.90	254.00	10%	25.40	256.00	10%	25.60	344.00	10%	34.40
21 - 25	240.00	10%	24.00	250.00	10%	25.00	290.00	10%	29.00	293.00	10%	29.30	394.00	10%	39.40
26 - 30	243.00	10%	24.30	258.00	10%	25.80	298.00	10%	29.80	300.00	10%	30.00	398.00	10%	39.80
31 - 35	283.00	10%	28.30	304.00	10%	30.40	351.00	10%	35.10	353.00	10%	35.30	465.00	10%	46.50
36 - 40	290.00	10%	29.00	311.00	10%	31.10	359.00	10%	35.90	361.00	10%	36.10	476.00	10%	47.60
41 - 45	335.00	10%	33.50	348.00	10%	34.80	403.00	10%	40.30	406.00	10%	40.60	547.00	10%	54.70
46 - 50	402.00	10%	40.20	428.00	10%	42.80	494.00	10%	49.40	497.00	10%	49.70	659.00	10%	65.90
51 - 55	584.00	10%	58.40	608.00	10%	60.80	705.00	10%	70.50	710.00	10%	71.00	957.00	10%	95.70
56 - 59	761.00	10%	76.10	817.00	10%	81.70	944.00	10%	94.40	950.00	10%	95.00	1,261.00	10%	126.10
60*	761.00	10%	76.10	817.00	10%	81.70	944.00	10%	94.40	950.00	10%	95.00	1,261.00	10%	126.10

* Untuk pembaharuan sahaja

Deduktibel 30,000 (setiap tahun sijil)

Pelan	1			2			3			4			5		
Bilik dan Penginapan Hospital	100			100			150			150			200		
Had Tahunan Keseluruhan	75,000			100,000			150,000			20,000			500,000		
Umur (Hari Jadi Berikutnya)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)
0 - 4	104.00	10%	10.40	111.00	10%	11.10	127.00	10%	12.70	129.00	10%	12.90	168.00	10%	16.80
5 - 10	74.00	10%	7.40	78.00	10%	7.80	90.00	10%	9.00	91.00	10%	9.10	118.00	10%	11.80
11 - 15	65.00	10%	6.50	69.00	10%	6.90	79.00	10%	7.90	80.00	10%	8.00	104.00	10%	10.40
16 - 20	72.00	10%	7.20	76.00	10%	7.60	89.00	10%	8.90	90.00	10%	9.00	123.00	10%	12.30
21 - 25	84.00	10%	8.40	89.00	10%	8.90	102.00	10%	10.20	104.00	10%	10.40	140.00	10%	14.00
26 - 30	88.00	10%	8.80	94.00	10%	9.40	108.00	10%	10.80	109.00	10%	10.90	142.00	10%	14.20
31 - 35	103.00	10%	10.30	110.00	10%	11.00	126.00	10%	12.60	128.00	10%	12.80	166.00	10%	16.60
36 - 40	105.00	10%	10.50	112.00	10%	11.20	129.00	10%	12.90	131.00	10%	13.10	170.00	10%	17.00
41 - 45	117.00	10%	11.70	124.00	10%	12.40	143.00	10%	14.30	146.00	10%	14.60	195.00	10%	19.50
46 - 50	143.00	10%	14.30	153.00	10%	15.30	176.00	10%	17.60	179.00	10%	17.90	233.00	10%	23.30
51 - 55	199.00	10%	19.90	209.00	10%	20.90	244.00	10%	24.40	247.00	10%	24.70	341.00	10%	34.10
56 - 59	270.00	10%	27.00	289.00	10%	28.90	334.00	10%	33.40	339.00	10%	33.90	445.00	10%	44.50
60*	270.00	10%	27.00	289.00	10%	28.90	334.00	10%	33.40	339.00	10%	33.90	445.00	10%	44.50

* Untuk pembaharuan sahaja

Deduktibel 0 atas 60

Pelan	1			2			3			4			5		
Bilik dan Penginapan Hospital	100			100			150			150			200		
Had Tahunan Keseluruhan	75,000			100,000			150,000			20,0000			500,000		
Umur (Hari Jadi Berikutnya)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)	Premium (RM)	Kom %	Jumlah Kom (RM)
61 – 65*	1,354.00	10%	135.40	1,388.00	10%	138.80	1,515.00	10%	151.50	1,520.00	10%	152.00	1,978.00	10%	197.80
66 – 70*	1,969.00	10%	196.90	2,019.00	10%	201.90	2,204.00	10%	220.40	2,211.00	10%	221.10	2,877.00	10%	287.70
71 – 75*	2,769.00	10%	276.90	2,839.00	10%	283.90	3,099.00	10%	309.90	3,109.00	10%	310.90	4,042.00	10%	404.20
76 – 80*	4,078.00	10%	407.80	4,182.00	10%	418.20	4,568.00	10%	456.80	4,582.00	10%	458.20	5,967.00	10%	596.70
81 – 85*	4,662.00	10%	466.20	4,779.00	10%	477.90	5,217.00	10%	521.70	5,235.00	10%	523.50	6,801.00	10%	680.10

* Untuk pembaharuan sahaja